

Bahagian A

Jawab semua soalan.

5.1 Latar Belakang Pemerintahan Tempatan di Sarawak dan Sabah

- 1 Masyarakat tempatan di Sabah dibentuk oleh pelbagai etnik. Berapakah bilangan etnik tersebut?
- A 25 etnik C 31 etnik
B 27 etnik D 34 etnik

Buku Teks m.s. 110

- 2 Apakah yang menjadi asas kepada pembentukan sistem kesukuan di Sabah dan Sarawak?
- I Pegangan adat
II Kepatuhan adat
III Keturunan etnik
IV Kekuatan ekonomi
- A I dan II C II dan III
B I dan IV D III dan IV

Buku Teks m.s. 110

- 3 Apakah gelaran ketua yang digunakan oleh masyarakat Kenyah di Sarawak?
- A Orang Tua C Tua Kapung
B Peran Lepo D Kelunan Maren

Buku Teks m.s. 111

- 4 Maklumat berikut berkaitan dengan sistem pemerintahan dan pentadbiran masyarakat tempatan di Sabah.

Mewujudkan jawatan matto'a

Apakah peranannya dalam kalangan masyarakat?

- I Melindungi adat
II Mengetuai pentadbiran
III Menentukan kadar cukai
IV Melindungi kepentingan anak buah

- A I dan II C II dan III
B I dan IV D III dan IV

Buku Teks m.s. 111

- 5 Apakah yang menjadi sumber autoriti kepada masyarakat Iban di Sarawak?
- A Menteri
B Orang tua
C Tuai Rumah
D Tua Kapung

Buku Teks m.s. 111

Soalan 6 dan 7 berdasarkan maklumat berikut.

Orang Kaya (O.K.)

- 6 Siakah yang memperkenalkan gelaran tersebut dalam sistem pemerintahan dan pentadbiran masyarakat Sarawak?
- A Kesultanan Sulu
B Kerajaan Sawaku
C Kerajaan Srivijaya
D Kesultanan Brunei

Buku Teks m.s. 112

- 7 Apakah etnik yang diberikan keutamaan untuk menerima gelaran tersebut?
- A Iban C Melayu
B Kenyah D Bidayuh

Buku Teks m.s. 112

- 8 Tokoh berikut pernah menjalankan pentadbiran di Sarawak.

O. K. Gasing

Apakah kawasan pentadbiran beliau?

- A Lundu
B Padeh
C Skrang
D Rimbas

Buku Teks m.s. 112

Soalan 9 dan 10 berkaitan dengan sistem pemerintahan dan pentadbiran di Sabah.

Sistem Ketua Bebas

- 9 Apakah yang berkaitan dengan sistem tersebut?
- I Pembesar menggunakan gelaran Orang Kaya
 - II Pembesar dikenali sebagai Orang Kaya
 - II Mempunyai undang-undang tersendiri
 - IV Pembesar mempunyai pertalian dengan Sultan Sulu atau Brunei
- A I dan II
B I dan IV
C II dan III
D III dan IV

Buku Teks m.s. 113

- 10 Apakah faktor yang membawa kepada kewujudan pentadbiran sistem tersebut?
- A Kekayaan tokoh
 - B Keberanian tokoh
 - C Pengurusan adat tokoh
 - D Penggunaan gelaran tokoh

Buku Teks m.s. 113

5.2 Peluasan Kuasa Dinasti Brooke di Sarawak

- 11 Mengapakah tokoh berikut dihantar oleh Sultan Brunei untuk berkhidmat di Sarawak?

Pengiran Indera Mahkota

- A Mengawal politik
- B Menguasai ekonomi
- C Memajukan aspek sosial
- D Menentang aktiviti pelanunan

Buku Teks m.s. 114

- 12 Kawasan berikut menjadi tumpuan masyarakat tempatan di Sarawak pada tahun 1820-an.

Kawasan Lidah Tanah

Apakah masyarakat tempatan yang berbuat demikian?

- A Iban
- B Murut
- C Melayu
- D Bidayuh

Buku Teks m.s. 114

- 13 Tokoh berikut banyak memberikan sumbangan kepada pentadbiran Brooke.

Baronese Angela Burdett-Count

Apakah sumbangan yang dimaksudkan?

- A Modal
- B Ketenteraan
- C Pengangkutan
- D Cukai

Buku Teks m.s. 117

- 14 Apakah kawasan yang menjadi konflik perbalahan antara kedua-dua pembesar berikut di Sarawak?

- Pengiran Matusin
- Pengiran Ersat

- A Miri
- B Mukah
- C Sadong
- D Saribas

Buku Teks m.s. 117

- 15 Pasukan berikut telah ditubuhkan oleh pentadbiran Brooke pada tahun 1862.

Renjer Sarawak

Apakah matlamat penubuhan pasukan tersebut?

- I Mengutip cukai
 - II Memajukan ekonomi
 - III Menjamin keamanan
 - IV Memperkukuh pertahanan
- A I dan II
B I dan IV
C II dan III
D III dan IV

Buku Teks m.s. 117

5.3 Peluasan Kuasa Syarikat Borneo Utara British di Sabah

- 16 Sarang burung merupakan sebahagian daripada kekayaan hasil alam di negara kita. Apakah negara pengimport utama barangan tersebut?

- A Arab
- B India
- C China
- D Jepun

Buku Teks m.s. 121

- 17 Tanaman berikut boleh ditemui di Sabah.

Indigo

Apakah kegunaan tanaman tersebut kepada SBUB?

- A Bahan pewangi
- B Bahan pewarna
- C Bahan makanan
- D Bahan pengawet

Buku Teks m.s. 121

- 18 Jadual berikut berkaitan dengan tindakan yang telah dilakukan oleh British.

Tarikh	Peristiwa
November 1805	Meninggalkan petempatan British di Pulau Balambangan

Mengapakah British berbuat demikian?

- A Kekurangan prasarana
- B Penyerangan oleh lanun
- C Ketidaksuburan kawasan
- D Penyerahan kepada Belanda

Buku Teks m.s. 121

- 19 Pada 18 Disember 1846, pihak British telah menandatangani perjanjian dengan Sultan Brunei.

Apakah kawasan yang telah diserahkan oleh Sultan Brunei kepada James Brooke melalui perjanjian tersebut?

- A Pulau Labuan
- B Pulau Palawan
- C Kawasan Lawas
- D Kawasan Trusan

Buku Teks m.s. 121

- 20 Jadual berikut berkaitan dengan peristiwa yang berlaku di Sabah.

Tahun	Peristiwa
1865	Sultan Brunei menyewakan Sabah kepada Charles Lee Moses

Berapakah tempoh sewaan tersebut?

- A Lima tahun
- B 10 tahun
- C 15 tahun
- D 20 tahun

Buku Teks m.s. 122

- 21 Tokoh-tokoh berikut telah memajak kawasan di Sabah daripada Sultan Sulu pada tahun 1878.

- Alfred Dent
- Edward Dent

Apakah kawasan tersebut?

- A Pantai barat Sabah
- B Pantai timur Sabah
- C Kawasan utara Sabah
- D Kawasan tengah Sabah

Buku Teks m.s. 122

- 22 Apakah jawatan yang pernah disandang oleh tokoh berikut dalam sistem pemerintahan dan pentadbiran di Sabah melalui Syarikat Borneo Utara British (SBUB)?

Sir Rutherford Alcock

- A Residen
- B Gabenor
- C Presiden
- D Pengarah

Buku Teks m.s. 123

- 23 Pentadbiran SBUB bermatlamat untuk membangunkan ekonomi Sabah. Apakah langkah yang telah diambil untuk merealisasikan hasrat tersebut?

- A Mengeksploitasi sumber
- B Menarik kemasukan pelabur
- C Mengenakan cukai yang rendah
- D Menggalakkan penglibatan peribumi

Buku Teks m.s. 123

5.4 Bentuk Pentadbiran Barat di Sarawak dan Sabah

- 24 Maklumat berikut berkaitan dengan pembahagian bahagian pentadbiran di Sarawak.

Bahagian Ketiga

Apakah kawasan yang terlibat dengan pembentukan bahagian tersebut?

- | | |
|------------|--------------|
| I Oya | III Saribas |
| II Lawas | IV Mukah |
| A I dan II | C II dan III |
| B I dan IV | D III dan IV |


Buku Teks m.s. 125

- 25 Pada peringkat awal, pentadbiran SBUB telah melaksanakan pembahagian residensi di Sabah. Berapakah residensi yang diwujudkan pada ketika itu?

A Dua C Empat
B Tiga D Sembilan

Buku Teks m.s. 125

- 26 Peta berikut menunjukkan pembahagian residensi di Sabah pada tahun 1922.



Apakah lokasi yang dipilih sebagai pusat pentadbiran di Residensi X?

A Beluran C Sandakan
B Jesselton D Penampang

Buku Teks m.s. 125

- 27 Pilih pasangan yang betul berkaitan dengan jawatan baharu yang diperkenalkan oleh pentadbiran Brooke di Sarawak.

	Tokoh	Jawatan
A	James Brooke	Datu Amar
B	Charles Brooke	Datu Menteri
C	Anthony Brooke	Datu Bentara
D	Charles Vyner Brooke	Datu Pahlawan

Buku Teks m.s. 126

- 28 Apakah peranan jawatan berikut dalam sistem pemerintahan dan pentadbiran SBUB di Sabah?

Ketua Anak Negeri

- I Menjadi Pegawai Daerah
II Menjaga keamanan daerah
III Mengurus pentadbiran pengadilan
IV Menentukan sistem undang-undang
A I dan II
B I dan IV
C II dan III
D III dan IV

Buku Teks m.s. 126

- 29 Pentadbiran negeri Sarawak diketuai oleh Raja Sarawak.

Siapakah yang membantu pentadbiran beliau?

- I Majlis Negeri
II Majlis Tertinggi
III Residen Negeri
IV Pegawai Daerah
A I dan II
B I dan IV
C II dan III
D III dan IV

Buku Teks m.s. 127

- 30 Tokoh manakah yang telah dilantik untuk menjawat jawatan berikut dalam pentadbiran Brooke di Sarawak?

Majistret

- A Residen
B Gabenor
C Pegawai Daerah
D Ketua Anak Negeri

Buku Teks m.s. 129